

Pendidikan
Moral
Okt/Nov
2023
2½ jam



Nama..... Tingkatan.....

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2023**

PENDIDIKAN MORAL

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
- Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan pilih satu soalan daripada Bahagian B dan semua soalan dalam Bahagian C.*
- Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
B	6	
	7	
C	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 23 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[50 markah]
Jawab semua soalan

- 1 Gambar berikut menunjukkan norma masyarakat global berkaitan kelestarian alam sekitar. Beberapa orang penduduk sedang menanam anak pokok bakau di tepi pantai.



Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5, halaman 8.

- (a) Jelaskan manfaat norma masyarakat tersebut kepada negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Kuala Lumpur: Kenderaan elektrik (EV) muncul sebagai alternatif automotif berdaya maju utama ke arah melindungi alam sekitar dan memastikan planet yang boleh didiami, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim.

Menurut beliau, memandangkan perubahan iklim telah menjadi ancaman paling mendesak kepada manusia hari ini, sudah tiba masanya untuk kita memperjuangkan usaha rendah karbon dan cekap sumber.

Sumber: Harian Metro, 28 September 2022

- (b) Berdasarkan maklumat di atas, beri cadangan anda untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan elektrik di Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Selain kenderaan elektrik, nyatakan budaya mesra alam yang diamalkan oleh masyarakat global.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT**2 Situasi berikut berkaitan dengan seorang murid sekolah.**

Darshan ialah seorang atlet olahraga yang cemerlang. Dia mewakili sekolahnya di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Namun dia sering tidak hadir ke sekolah sehingga dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah. Pencapaian akademiknya turut merosot. Dalam kejohanan olahraga peringkat kebangsaan yang akan datang, pihak sekolah tidak membenarkan Darshan untuk mengambil bahagian. Dia merayu kepada pihak sekolah dan berjanji akan mengubah sikapnya dengan hadir ke sekolah setiap hari.

- (a) Berdasarkan prinsip keprihatinan, Darshan patut diberi peluang oleh pihak sekolah. Nyatakan alasan anda.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah pihak sekolah boleh meningkatkan pencapaian akademik Darshan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan kepentingan membuat keputusan berdasarkan prinsip keprihatinan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Teliti keratan akhbar di bawah.

Buli siber dalam kalangan belia makin serius

Sinar Harian 15 Januari 2022

UNICEF melaporkan Malaysia negara kedua di Asia bagi kes berkenaan

KUALA LUMPUR

Malaysia berada di kedudukan kedua di Asia pada 2020 untuk kejadian kes buli siber dalam kalangan belia, menurut laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

A black and white photograph showing a person from the side, wearing a dark suit jacket and a light-colored shirt. They appear to be speaking or listening intently. The background is dark and out of focus.

FOTO: SUMBER INTERNET

keperluan asas mereka tidak dipenuhi, cekap dari segi sosial.

Seorang lagi panel pada webinar itu

Rengganisasi media sosial popular telah menjadikan platform tersebut sebagai tempat yang menyumbang perbuatan buli siber dan tingkah lakunya toksik secara meluas.

Mangsa buli siber berpotensi bunuh diri

SHAH ALAM - Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan individu melalui medium elektronik seperti mesej khidmat pesanan ringkas (SMS), *chatting*, e-mel, laman web sozial dan WhatsApp yang melibatkan akses teknologi.

Pakar Psikologi Kaunitarian Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Saad berkata, kesan kepada mangsa ber-

A black and white portrait of a woman with long dark hair, wearing glasses and a white blouse. She is smiling slightly and looking towards the camera.

SAMSILAH

gantung kepada bentuk buli yang diberikan menyebabkan seseorang itu berasa rendah diri sekali gus berpotensi ke arah bunuh diri.

Menurutnya, pembuli siber akan menjadikan

individu tertentu sebagai sasaran dan bergantung kepada bagaimana dia melepaskan hasratnya.

"Kadang-kadang mereka (pembuli siber) suka menca-rut, mengutuk dan sebagai-

nya," kata beliau kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sementara itu, Dekan Fa-kulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Samsilah Roslan berkata, internet sebenarnya melahirkan komuniti individu berselindung identiti menyebabkan mereka berani membuli tanpa rasa bersalah.

"Mereka yang disangka 'kawan' namun melemparkan kecaman pedih yang memukul hati dan perasaan.

"Akibatnya, si mangsa mengalami tekanan kerana gagal menanggung kecaman

oleh warganet," katanya.

Beliau berkata, dianggarkan 20 hingga 40 peratus pengguna internet pernah menjadi mangsa buli.

"Ia menyebabkan kemurungan, tekanan psikologi, gangguan mental, bahkan boleh membunuh diri."

"Hasil kajian terhadap profil pembuli siber mendapat motifnya adalah iri hati, obsesi dan ketiadaan perasaan empati kepada mangsa."

"Ada juga pembuli siber yang menjadikan mangsa sebagai tempat melepaskan kemarahan," katanya.

Sumber: Sinar Harian, 15 Januari 2022

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa buli siber.

[3 markah]

1225/1 ©2023 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (b) Rakan baik anda telah melakukan buli siber dengan menulis komen yang menghina seseorang di media sosial baru-baru ini.

Jelaskan tindakan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan jenayah penipuan dalam talian.

Peningkatan kes penipuan dalam talian di negara kita semakin membimbangkan.
Penipuan dalam talian memberi impak negatif terhadap masyarakat dan negara.


Jelaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab rakyat Malaysia sebagai pembayar cukai.



Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri

- (a) Mengisyiharkan cukai pendapatan merupakan contoh integriti demi pembangunan negara.

Beri cadangan untuk menyedarkan rakyat Malaysia mengisyiharkan dan membayar cukai pendapatan.

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan keperluan rakyat Malaysia membayar cukai untuk pembangunan negara.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Huraikan implikasi sekiranya rakyat Malaysia gagal mengisytiharkan dan membayar cukai.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

- 5 Poster berikut berkaitan dengan iklan jualan murah.



- (a) Adakah berbelanja semasa jualan murah merupakan satu langkah penjimatan?

Beri alasan anda.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan cara pengurusan perbelanjaan secara beretika.

(i)

.....

(ii)

.....

(iii)

.....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

(c) Huraikan kesan sekiranya seseorang tidak menguruskan perbelanjaan secara beretika.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B
[10 markah]
Jawab satu soalan sahaja.

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan seorang artis dari Malaysia yang telah memenangi anugerah Pelakon Wanita Terbaik di Anugerah Academy, Amerika Syarikat.



Pelakon kelahiran Malaysia yang mencipta nama di Hollywood, Tan Sri Michelle Yeoh telah mengharumkan nama negara apabila berjaya dinobatkan sebagai Pelakon Wanita Terbaik di Anugerah Academy atau Oscar bagi edisi ke-95 di Los Angeles, Amerika Syarikat baru-baru ini. Kejayaan beliau membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu bersaing di peringkat dunia dan mencapai kecemerlangan.

Sumber: The Star, 13 Mac 2023

- (a) Tan Sri Michelle Yeoh ialah individu glokal yang wajar dicontohi oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan sikap individu glokal.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(b) Ramalkan implikasi sekiranya individu tidak bersikap glokal.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan kepada mangsa banjir.



Sumber: Agensi Pengurusan Bencana Negara

- (a) Nyatakan tanggungjawab anda sebagai warganegara dalam membantu mangsa banjir.

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Kerajaan menyediakan Bantuan Wang Ihsan RM1,000 bagi setiap ketua isi rumah terjejas ketika Monsun Timur Laut atau yang terkesan dengan mana-mana bencana alam.

Terangkan kepentingan menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam.

.....
.....
.....
.....
.....

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Bahagian C
[40 markah]
Jawab semua soalan.

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha seorang wanita menyelamatkan kucing jalanan.

BELANJA RIBUAN RINGGIT DEMI KUCING JALANAN



BENTONG – Kenaikan kos sara hidup tidak menghalang seorang wanita untuk memelihara kucing jalanan. Meskipun perit kerana perlu mengeluarkan belanja lebih RM1000 sebulan untuk membeli makanan kucing, Jamilah Zakaria, 49, tetap meneruskan aktiviti tersebut. Atas sikap belas kasihan dan menyayangi haiwan, beliau sanggup memelihara lebih 40 ekor kucing jalanan. Ini adalah tindakan yang mulia dan menjadi suri teladan kepada orang lain.

Sumber: Utusan Timur, 25 Januari 2023

- (a) Usaha wanita tersebut dalam menyelamatkan kucing jalanan menunjukkan beliau seorang insan yang berkeperibadian mulia.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan ciri individu berkeperibadian mulia. [4 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan berkeperibadian mulia terhadap haiwan.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]

- (c) Terangkan cara anda mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan. [8 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

9 Maklumat berikut berkaitan dengan isu pendatang asing tanpa izin (PATI).

JAKARTA - Isu pendatang asing tanpa izin (PATI) merupakan topik utama mesyuarat antara Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan rakan sejawat di Indonesia, Jeneral Listyo Sigit Prabowo. Mereka membincangkan masalah tersebut dan bertekad untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Menurut Jeneral Listyo Sigit, hampir setiap hari terdapat kes yang melibatkan kemasukan PATI dari Indonesia ke Malaysia. Beliau mengatakan bahawa kerjasama antara kedua-dua negara dapat memudahkan proses pemantauan dan penyelarasan bagi membendung masalah tersebut.

Sumber: Bernama, 22 Januari 2022

- (a) Selain maklumat di atas, berikan contoh hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar. [4 markah]
- (b) Ramalkan kesan sekiranya masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) tidak diatasi dalam masa terdekat. [8 markah]
- (c) Hubungan antarabangsa bermaksud pertalian dan interaksi antara negara di dunia. Ia juga meliputi interaksi antara organisasi antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan.

Terangkan kepentingan hubungan antarabangsa kepada Malaysia.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1225/1 ©2023 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Pendidikan Moral Trial Negeri Sembilan 2023